

02/10/2002

Kematian suami menjadi pendorong kejayaan Ragayah

Nurul Hazren Masitom

KUALA LUMPUR, Selasa - Usaha gigih dan kecekalan membesarkan anak-anak selepas kematian suami mendorong pemenang Anugerah Peladang Jaya Wanita, Ragayah Dahan, 52, meneruskan perniagaan milik keluarganya.

Beliau yang membesarkan enam anak selepas kematian suaminya, Md Resid Md Jais, empat tahun lalu bertindak menguruskan sendiri perniagaan pelbagai bermula dengan barangan berasaskan besi sehinggalah penternakan lembu, ikan air tawar, cendawan serta ladang kelapa sawit dan getah.

"Saya memang tolong arwah suami dari mula beliau berniaga sejak 1984 sehinggalah beliau meninggal dunia pada 1998. Pada masa itu, saya tak mudah melatah kerana memikirkan bagaimana mencari rezeki untuk enam anak yang sedang membesar.

"Apa orang kata, mak cik tak pernah hirau, yang penting usaha untuk memajukan lagi perniagaan selain kuat dari segi mental dan fizikal bagi menghadapi cabaran," katanya ketika ditemui selepas perasmian Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (Maha 2002) serta Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2002 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di The Mines di sini, hari ini.

Ragayah yang dibantu oleh anak sulungnya, Mohd Farid, 35, kini mampu berbangga dengan kejayaannya memiliki 30 lembu, lapan kolam ikan air tawar, 6.07 hektar ladang kelapa sawit serta 3.2 hektar ladang getah.

Pemenang Anugerah Peladang Jaya Lelaki, Zamri Yaakob, 50, mula menceburkan diri dalam sektor perladangan sejak 1987 kerana minat mendalam dalam bidang pertanian.

"Kejayaan saya disebabkan saya berpindah kepada teknologi baru dalam penaburan baja yang terbukti meningkatkan lagi pengeluaran hasil sebanyak dua kali ganda selain corak pengurusan bijak dalam perniagaan," katanya.

Beliau yang mempunyai 12 hektar ladang kelapa sawit, 60 lembu serta empat lori dibantu oleh 30 pekerjanya.

Ditanya pandangannya mengapa bidang pertanian tidak diminati di kalangan anak muda, Zamri berpendapat mereka masih mempunyai pemikiran sempit dengan menganggap pertanian hanya kais pagi makan pagi dan tidak dapat menjana keuntungan.

Pemenang Anugerah Peladang Jaya Muda, Zainab Ibrahim, membuktikan ijazah yang dimiliki mampu dimanfaatkan untuk memajukan sektor perniagaan.

"Saya dulu bekerja sebagai guru dan membantu keluarga secara suka-suka tetapi minat untuk menjalankan perniagaan secara serius timbul setelah merasakan ia mampu membuahkan hasil lumayan," katanya yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam Statistik Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau mengusahakan tapak semaian buah-buahan dan bunga, menjalankan ternakan lembu, ladang kelapa sawit dan getah serta menjadi kontraktor kelas F.